

**Pembahagian Kerusi Dalam PKR Hampir Selesai, Kata Anwar
Bernama
15 April , 2012**

KUALA TERENGGANU, 15 April (Bernama) -- Pembahagian kerusi dalam pakatan pembangkang melibatkan Parti Keadilan Rakyat (PKR) secara umumnya hampir selesai kecuali di beberapa negeri seperti Perak dan Pulau Pinang, kata Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Pembahagian kerusi di kebanyakan negeri sudah hampir selesai, cuma ada satu dua kerusi saja lagi yang masih belum muktamad seperti di Perak ada dua dan Pulau Pinang, satu yang masih perlu dibincangkan.

"Kedah umpamanya daripada 40 kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), mungkin ada satu dua lagi yang belum selesai. Ini bermakna kemajuannya sangat baik dan membanggakan," katanya pada sidang media selepas melancarkan jentera pilihan raya PKR Terengganu di sini.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak hubungan pemimpin PAS dan PKR tidak seakrab dulu, Anwar berkata beliau tidak setuju dengan kenyataan itu.

Katanya, semua mesyuarat yang diadakan bersama berjalan mengikut jadual dan tidak timbul sebarang masalah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659213>